

# 'Barisan mahu kemenangan 66.6 peratus

**KUALA LUMPUR 3 MAJ** - Barisan Nasional mahu kemenangan 66.6 peratus atau dua pertiga daripada kerusi yang dipertandingkan dalam pilihanraya untuk memimpin negara ini dengan adil dan saksama, kata pengerusinya, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

"Kita bukan hanya mahu menang besar tetapi diberi kuasa untuk mentadbir negara ini serta mengekalkan kemerdekaan, keamanan dan kemakmuran yang dikeskakan sekarang ini," ujar beliau.

Perdana Menteri berkata, semua kaum, Melayu, Cina, India, Iban, Murut, Kadazan, Bajau dan lain - lain memainkan peranan dalam pentadbiran negara oleh itu mereka hendaklah menggunakan kuasa undi mereka menyokong parti yang betul.

Berucap diperjumpaan pekerja - pekerja pilihanraya Barisan Nasional Wilayah Persekutuan di Pusat Dagangan Dunia Putra, beliau berkata, kerajaan pimpinan Barisan Nasional adalah yang terbaik - baiknya untuk sebuah negara yang progresif dan makmur seperti Malaysia.

Datuk Sri Dr. Mahathir menarik perhatian bahawa dasar - dasar kerajaan Barisan Nasional telah dapat menyatupadukan rakyat berbilang kaum di negara ini walaupun pada mulanya terdapat masalah - masalah besar yang terpaksa diatasi.

"Saya bersetuju terhadap pandangan setengah golongan yang berkata bahawa tiada keharmonian kaum di Malaysia tetapi tidaklah sehingga kaum - kaum di negeri ini berperang, berdemonstrasi dan merusuh kerana tidak puas hati atau menuntut hak mereka," katanya.

Beliau yang juga Presiden UMNO berkata, semua keputusan yang dicapai oleh pemimpin-pemimpin Barisan Nasional dilakukan dengan konsensus atau sebulat suara di mana "kita mengambilkira dan bertimbang rasa terhadap masalah pihak-pihak lain."

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, asas Barisan Nasional ialah kerjasama semua rakyatnya yang berbilang kaum, berbilang agama, pengikut berlainan kebudayaan yang menjadi penduduk sebuah negara dari Perlis hingga ke Sabah di mana tidak siapa pun diketepikan.

Pengerusi Barisan Nasional itu berkata, semua ke-  
luhan dan masalah boleh disuarakan kepada kerajaan oleh semua kaum dalam kabinet, Exco Negeri, Dewan Undangan Negeri, Dewan Rakyat dan semua perkara - perkara itu diberi perhatian serius.

"Bagaimanapun sudah tentu kita tidak dapat memuaskan semua pihak tetapi apa yang dapat kita berikan ialah sedikit kekayaan negara ini kepada semua golongan agar semuanya mendapat bahagian masing - masing sama rata," kata beliau.